Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai lwn Shaik Zolkaffily bin Shaik Natar dan lain-lain

MAHKAMAH RAYUAN (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO P–02–184 TAHUN 1997
MOKHTAR SIDIN, KC VOHRAH HHMR DAN FAIZA TAMBY CHIK H
20 MAC 2002

Acara Sivil *— Bidang kuasa — Sama ada hakim Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa dalam memutuskan perkara-perkara berkaitan dengan wakaf — Sama ada mahkamah sivil mempunyai bidangkuasa untuk membuat interpretasi mengenai undang-undang bertulis pada setiap negeri termasuk undang-undang pentadbiran agama Islam — Sama ada hakim Mahkamah Tinggi khilaf dalam menolak permohonan pihak perayu memandangkan bahawa pihak perayu adalah pemegang amanah tunggal*

Acara Sivil *— Kausa tindakan — Sama ada pihak responden mempunyai kausa tindakan pada sisi undang-undang*

Sheikh Eusoff bin Sheikh Latiff telah meninggal dunia dan meninggalkan, di antaranya dua keping tanah ('tanah-tanah tersebut') yang kini didaftarkan di bawah nama perayu. Si mati meninggalkan wasiat bertarikh 30 Disember 1892 ('wasiat tersebut') yang memperuntukkan sebahagian tanah-tanah tersebut didirikan sebuah masjid sebagai wakaf dan pemberian semula ('revision') daripada wakaf kepada anak cucu si mati 21 tahun selepas kematian pewaris terakhir. Pihak responden telah memfailkan satu writ saman terpinda untuk menuntut, inter alia, suatu perisytiharan berkenaaan dengan tanah-tanah tersebut dan hereditamen dikembalikan kepada pesaka si mati. Pihak perayu telah memfailkan satu saman dalam kamar untuk mendapatkan suatu perintah bahawa writ saman terpinda pihak responden dibatalkan atau dimansuhkan. Saman dalam kamar tersebut telah didengar oleh penolong kanan pendaftar dan ditolak. Pihak perayu telah memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar di mana hakim dalam kamar telah menolak dengan kos rayuan perayu. Perayu memfailkan notis rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan keputusan hakim dalam kamar. Pihak perayu telah mengemukakan sepuluh alasan yang antara lainnya menyatakan hakim telah terkhilaf: (i) dengan mengatakan bahawa mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa dalam memutuskan perkara-perkara berkaitan dengan wakaf; (ii) dalam menolak permohonan pihak perayu memandangkan bahawa pihak perayu adalah pemegang amanah tunggal; dan (iii) dengan gagal memahami bahawa pihak responden tidak mempunyai locus standi dan kausa tindakan di sisi undang-undang.

Diputuskan, menolak rayuan perayu dengan kos:

(1) Pihak perayu telah memasukkan memorandum kehadiran tanpa syarat di mahkamah sivil dan dengan itu pihak perayu telah menyerah kepada bidang kuasa mahkamah tersebut (lihat ms

136A–B); *Tengku Ali ibni AlMarhum Sultan Ismail v Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman* [1994] 2 MLJ 83 diikut.

(2) Remedi yang dituntut oleh pihak responden hanya boleh diberikan oleh mahkamah sivil. Lagipun sayugia diingati bahawa mahkamah sivil masih mempunyai bidang kuasa untuk membuat sesuatu interpretasi mengenai sebarang undang-undang bertulis pada setiap negeri termasuk undang-undang mengenai pentadbiran agama Islam (lihat ms 136D–F); *Lim Chan Seng lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang & Satu Yang Lain* [1996] MLJU 500, *Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato Talib* [1992] 2 MLJ 793 dan *Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn Isa Abdul Rahman dan satu lagi* [1992[2 MLJ 244 diikut.

(3) Kedudukan yang diberi oleh undang-undang sebagai seorang pemegang amanah kepada pihak perayu adalah suatu tanggungjawab dan obligasi dan bukan sebagai suatu keistimewaan atau privilege yang boleh dipandang remeh dan enteng sehinggakan tidak boleh tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah terhadap setiap tindak-tanduknya. Sayugia diingati bahawa di sini pihak responden hendak menuntut hartanah dari suatu amanah si mati dan bukannya hendak menuntut tanah wakaf. Isu tanah wakaf itu tidak relevan langsung untuk permohonan saman dalam kamar pihak perayu (lihat ms 137H–138A).

(4) Kausa tindakan pihak responden berasal daripada wasiat si mati dan hak yang mengalir daripadanya untuk menerima kembali tanah tersebut setelah berakhirnya tempoh 21 tahun selepas kematian pewaris terakhir. Mahkamah tidak bersetuju dengan hujah pihak perayu yang menghujahkan bahawa pihak responden tidak mempunyai apa-apa kausa tindakan pada sisi undang-undang. Pada hakikatnya yang sebenarnya kepentingan pihak responden secara langsung berkisar daripada wasiat tersebut (lihat ms 138A–C).

[English summary

One Sheikh Eusoff bin Sheikh Latiff passed away and bequeathed, among others, two parcels of land ('the lands') currently registered under the appellant's name. The deceased had left a will dated 30 December 1892 ('the will') that provided for a mosque to be constructed on part of the lands as 'wakaf' and revision from the 'wakaf' to descendants of the deceased 21 years subsequent to the demise of the last beneficiary. The respondent filed an amended writ of summons claiming, inter alia, a declaration in connection with the lands and hereditament be returned to the estate of the deceased. The appellants filed a summons in chambers for an order that the respondent's amended writ of summons be struck out or expunged. The summons-in-chambers was heard by the senior assistant

registrar, who dismissed it. The appellant filed a notice or appeal to the judge in chambers whereby the judge in chambers dismissed the appellant's appeal with costs. The appellant filed a notice of appeal with the Court of Appeal against the whole of the judge in chambers' decision. The appellant adduced 10 grounds that inter alia stated the judge erred: (i) in stating that the civil court had jurisdiction in deciding on matters pertaining to the reserve; (ii) in dismissing the appellant's application since the appellant was the sole trust holder; and (iii) in failing to recognize that the respondent did not have locus standi and a legal cause of action.

Held, dismissing the appellant's appeal with costs:

(1) The appellant had entered an unconditional memorandum of appearance in the civil court and therefore he had submitted to the jurisdiction of that court (see p 136A–B); *Tengku Ali ibni AlMarhum Sultan Ismail v Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman* [1994] 2 MLJ 83 followed.

(2) The remedy sought by the respondent could only be awarded by the civil court. Furthermore it was worthy to note that the civil court still had the jurisdiction to make interpretations on any written law of each state including that on the administration of Islamic law (see p 136D–F); *Lim Chang Seng lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang & Satu Yang Lain* [1996] MLJU 500, *Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato' Talib* [1992] 2 MLJ 793 and *Majlis Agama Islam Pulau Pinang v Isa Abdul Rahman* [1992] 2 MLJ 244 followed.

(3) The standing of a trust holder bestowed by law to the appellant was a responsibility and obligation and not a special feature or privilege that could be viewed lightly or frivolously to the extent it could not be subjected to the jurisdiction of a court as regards its each and every action. Let it be noted that here the respondent wished to claim property from a trust of the deceased and not a claim on reserve land. The issue on reserve land was not at all relevant for the appellant's application for summons in chambers (see pp 137H–138A).

(4) The respondent's cause of action originated from the deceased's will and the entitlement flowing therefrom to recover the lands upon the expiry of 21 years subsequent to the demise of the last beneficiary. The court did not concur with the appellant's submission contending that the respondent did not have any legal cause of action. In fact, the respondent's interest directly revolved around the will (see p 138A–C).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai bidang kuasa, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 3624–3889.

A Untuk kes-kes mengenai kausa tindakan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 56–66.

Kes-kes yang dirujuk

B *G Rethinasamy v Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan satu yang lain* [1993] 2 MLJ 166 (dirujuk)

Lim Chan Seng lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang & satu yang lain [1996] MLJU 500; [1996] CLJ 231 (diikut)

Majlis Agama Islam Pulau Pinang v Isa Abdul Rahman [1992] 2 MLJ 244 (diikut)

C *Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato Talib* [1992] 2 MLJ 793 (diikut)

Tengku Ali ibni Al Marhum Sultan Ismail v Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman [1994] 2 MLJ 83 (diikut)

D **Undang-undang yang dirujuk**

Perlembagaan Persekutuan perkara 121(1A)

Rayuan daripada: Guaman Sivil No 22–103 tahun 1995 (MT-3) (Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang)

E *Abu Bakar As-Sidek* (*Ong Kheng Leong* bersama beliau) (*Ghazi & Lim*) bagi pihak perayu.

Zakaria Ariffin (*Aziz Zakaria Shaiful & Wan*) bagi pihak responden.

F **Faiza Tamby Chik H** (menyampaikan penghakiman mahkamah): Dalam kes di hadapan mahkamah dapat diperhatikan bahawa pihak responden pada 11 Disember 1995 telah memfailkan suatu writ saman terpinda untuk menuntut, inter alia, suatu perisytiharan bahawa tanah dan hereditamen yang dahulunya dikenali sebagai Lot No 55(1), Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang terkandung di dalam Geran No 477 dan 1767 dan G sekarang dikenali sebagai Lot No 1396 terkandung dalam Geran (First Grade) No 23631 berserta dengan sekeping Lot lagi yang dahulunya dikenali sebagai Lot No 193 (2), Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dan sekarang dikenali sebagai Lot No 962, Seksyen 3, Bandar Georgetown terkandung dalam Geran (First Grade) No 21582 dikembalikan kepada pesaka Sheik Eusoff bin Shaik Latiff, si mati. Perintah H selanjutnya ialah meletakkan hak ke atas nama plaintif-plaintif sebagai pemegang amanah kepada harta pesaka Sheik Eusoff bin Sheik Latiff, si mati kesemua tanah dan hereditamen yang dahulunya dikenali sebagai Lot No 55(1), Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang yang terkandung dalam Geran No 477 dan 1767 dan sekarang dikenali sebagai Lot No 1396 terkandung dalam Geran (First Grade) No 23631 serta I dengan Lot No 193 (2), Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang yang sekarang dikenali sebagai Lot No 962, Seksyen 3, Bandar Georgetown terkandung dalam Geran (First Grade) No 21582. Seterusnya

memohon supaya defendan-defendan menunjukkan suatu akaun yang menyatakan kesemua wang yang diterima dan perbelanjaan ke atas hartanah yang dikenali sebagai Lot No 962, Seksyen 3, Bandar Georgetown, Penang dan Lot 1396, Daerah Timur Laut, Pulai Pinang. Secara alternatif gantirugi, dan suatu injunksi menahan defendan atau orang suruhannya atau sesiapa sahaja dari menjual, memindahmilik atau campurtangan atau sebarang tindakan atau urusan ke atas tanah dan hereditamen yang dahulunya dikenali sebagai Lot 55(1), Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang yang terkandung dalam Geran No 477 dan 1767 dan sekarang dikenali sebagai Lot No 1396 terkandung dalam Geran (First Grade) No 23631 serta dengan Lot No 193(2), Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang yang sekarang dikenali sebagai Lot No 962, Seksyen 3, Bandar Georgetown terkandung dalam Geran (First Grade) No 21482 sehingga tindakan di dalam guaman ini selesai. Responden juga memohon kos, faedah dan apa-apa perintah atau relif yang difikirkan adil dan patut oleh mahkamah.

Pada 17 Januari 1996 pihak perayu telah memfailkan suatu saman dalam kamar (lampiran (9)) untuk mendapatkan suatu perintah bahawa writ saman berserta pindaan pernyataan tuntutan dan pindaan semula pernyataan tuntutan dibatalkan atau dimansuhkan. Pihak perayu juga memohon kebenaran diberi untuk pembelaan difailkan selepas perbicaraan dan keputusan saman dalam kamar ini, jika perlu, kos dan apa-apa perintah atau relif yang dianggap sesuai dan berpatutan oleh mahkamah. Saman dalam kamar itu telah disokong oleh suatu afidavit yang diikrarkan oleh Che Hasim @ Hashim bin Abdullah pada 16 Januari 1996. Pihak responden telah menjawab afidavit Che Hasim @ Hashim ini melalui satu afidavit jawapan oleh Tuan Syed Abdul Rahman bin Syed Hussin yang diikrarkan pada 7 Mac 1996. Saman dalam kamar itu telah didengar oleh penolong kanan pendaftar pada 20 Mac 1996. Kemudian penolong kanan pendaftar telah menolaknya dengan kos pada 5 April 1996. Pada 10 April 1996 pihak perayu telah memfailkan suatu notis rayuan kepada hakim dalam kamar (lampiran 12) merayu terhadap keputusan penolong kanan pendaftar itu. Perbicaraan notis rayuan kepada hakim dalam kamar itu telah dimulakan pada 24 Jun 1996 dan 2 September 96 dan disambung pada 16 September 1996, 16 Oktober 1996, 30 Oktober 1996, 15 November 1996, 30 November 1996, 19 Januari 1997 dan diputuskan pada 11 April 1997 di mana hakim dalam kamar telah menolak dengan kos rayuan perayu. Pada tarikh yang sama, perayu telah memfailkan suatu notis rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan keputusan hakim dalam kamar itu. Dapat diperhatikan bahawa pihak perayu telah mengemukakan sepuluh alasan dalam memorandum rayuannya bertarikh 26 Jun 1997. Alasan tersebut adalah seperti berikut:

1 Yang Arif Hakim telah khilaf di sisi undang-undang dengan mengatakan bahawa mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa dalam memutuskan perkara-perkara berkaitan dengan persoalan wakaf.

2 Yang Arif Hakim telah khilaf di sisi undang-undang dan fakta dalam menolak permohonan perayu memandangkan bahawa kedudukan

perayu sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf adalah diperuntukkan oleh undang-undang.

3 Yang Arif Hakim telah tersilap di sisi undang-undang dan fakta dengan gagal memahami bahawa responden tidak mempunyai kausa tindakan di sisi undang-undang.

4 Yang Arif Hakim tersilap di sisi undang-undang dan fakta dengan gagal memahami bahawa responden tidak mempunyai locus standi untuk memfailkan tuntutan mereka di mahkamah sini.

5 Yang Arif Hakim telah tersilap di sisi undang-undang dan fakta dengan gagal memahami bahawa responden mempunyai kausa tindakan di dalam pernyataan tuntutan.

6 Yang Arif Hakim tersilap di sisi undang-undang dan fakta dengan gagal memahami bahawa perayu adalah pemilik berdaftar bagi tanah tersebut memandangkan bahawa tanah tersebut adalah tanah wakaf dan responden-responden tidak mempunyai apa-apa kepentingan terhadap tanah tersebut.

7 Yang Arif Hakim tersilap di sisi undang-undang dan fakta dengan gagal memahami bahawa undang-undang telah menetapkan bahawa setiap harta wakaf haruslah ditadbir dan diletakkan kepada perayu dan responden-responden tidak boleh menyangkal kedudukan perayu.

8 Yang Arif Hakim tersilap di sisi undang-undang dan fakta dengan gagal memahami bahawa perayu telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf tidak perlu untuk menjawab dan menyediakan penyata kewangan seperti yang dikehendaki oleh responden-responden.

9 Yang Arif Hakim tersilap di sisi undang-undang dan fakta dalam memutuskan bahawa perayu telah pun menunduk kepada bidang kuasa mahkamah untuk memutuskan kes ini dengan memfailkan kehadiran tak bersyarat bilamana kehadiran dan permohonan perayu tersebut hanya adalah untuk keputusan mahkamah samada mahkamah mempunyai bidang kuasa.

10 Yang Arif Hakim tersilap di sisi undang-undang dan fakta dalam menolak permohonan saman dalam kamar perayu telah gagal memahami dan mempertimbangkan hujahan-hujahan yang telah disampaikan oleh perayu.

Dengan ringkas dapat diperhatikan bahawa Sheikh Eusoff bin Sheikh Latiff (si mati) telah meninggal dunia dan meninggalkan di antaranya dua keping tanah, Lot 55(i) dan Lot 193(2), di Georgetown ('tanah-tanah tersebut') yang kini didaftarkan di bawah nama perayu. Dapat diperhatikan juga bahawa responden-responden adalah pemegang amanah dan waris kepada estet si mati. Si mati meninggalkan wasiat bertarikh 30 Disember 1892 (wasiat tersebut). Wasiat tersebut memperuntukkan sebahagian lot 55(i) di Georgetown di mana didirikan masjid sebagai 'wakaf' dan pemberian semula ('revision') daripada 'wakaf' kepada anak cucu Si mati 21 tahun selepas kematian pewaris terakhir. Peruntukan dari wasiat tersebut menyatakan bahawa Lot 193(2) di Georgetown akan berbalik semula 21

tahun selepas kematian pewaris terakhir dari amanah yang dibuat di dalam wasiat tersebut. Si mati juga meninggalkan 'Deed of Settlement' bertarikh 26 Jun 1890 ('Deed of Settlement tersebut'). Deed of Settlement tersebut telah memperuntukkan tanah-tanah tersebut sebagai 'wakaf'. A

Dalam kes ini dapat diperhatikan bahawa pihak perayu telah memasukkan suatu Memorandum Kehadiran tanpa syarat di Mahkamah Sivil dan dengan itu kami berpendapat bahawa pihak perayu telah menyerah kepada bidang kuasa mahkamah tersebut. Dalam kes *Tengku Ali ibni Al Marhum Sultan Ismail v Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman* [1994] 2 MLJ 83 menyatakan di ms 85 bahawa: B

> Dengan memfailkan kehadiran tanpa syarat, defendan dihalang daripada menimbulkan isu mengenai ketiadaan bidang kuasa mahkamah. Terdapat banyak autoriti yang menunjukkan bahawa jika defendan bertujuan mencabar bidang kuasa mahkamah, beliau mesti memasukkan kehadiran bersyarat dan bukan tanpa syarat, yang akan diikuti dengan sesuatu jenis permohonan untuk mengetepikan guaman itu. Cara yang digunakan oleh defendan di dalam kes ini jelas sama seperti suatu penyerahan kepada bidang kuasa mahkamah. C

D

Mestilah diingati bahawa dalam kes ini pihak perayu telah menggunakan isu wakaf sebagai pembelaan terhadap tuntutan pihak responden sementara pihak responden pula telah membuat tuntutan berdasarkan suatu amanah yang diisytiharkan oleh si mati. Remedi yang dituntut oleh pihak responden adalah suatu deklarasi dan suatu perletakan hak ke atas tanah tersebut atau secara alternatifnya untuk suatu gantirugi dan suatu injunksi bagi melarang sebarang urusniaga ke atas tanah tersebut. Di sini inginlah kami menyatakan bahawa remedi tersebut hanya boleh diberikan oleh Mahkamah Sivil sahaja. Lagipun sayugia diingati bahawa Mahkamah Sivil masih mempunyai bidang kuasa untuk membuat sesuatu interpretasi mengenai sebarang undang-undang bertulis pada setiap negeri termasuk undang-undang mengenai pentadbiran agama Islam. Dalam kes *Lim Chan Seng lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang & satu yang lain* [1996] CLJ 231 di ms 232: E F

> (4) Tidak ada sebarang peruntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993 yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk membicarakan isu berhubung hal perkara murtad ataupun berhubung samada sesuatu peninggalan agama Islam itu sah atau sebaliknya. Selanjutnya, tidak ada peruntukan bahawa permohonan sepertimana yang dibuat oleh kedua-dua plaintif di sini, sekiranya permohonan sedemikian perlu dibuat, hendaklah dibuat kepada Mahkamah Syariah umpamanya. Adalah jelas bahawa, berdasarkan Enakmen 1993 ini, tiada bidang kuasa diberikan kepada Mahkamah Syariah di Pulau Pinang terhadap perkara yang dibangkitkan, dan oleh sebab itu, Mahkamah Sivil adalah tidak terhalang untuk mendengar dan membicarakan halperkara atau persoalan tersebut. G H

Dalam kes *G Rethinasamy v Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan satu yang lain* [1993] 2 MLJ 166 menyatakan di ms 168: I

> Tugas jawatankuasa syariah adalah memberi fatwa atau hukum atas sesuatu masalah yang dikemukakan. Pendapatnya bukan satu pengakuan bahawa

A tanah itu bukan tanah wakaf dan kubur-kubur itu hendaklah dipindahkan. Pendapat kadi besar, mufti dan jawatankuasa syariah dalam perkara ini tidak boleh membangkitkan estopel bagi menghalang defendan pertama dari membangkitkan pembelaan bahawa tanah itu tanah wakaf.

Suatu halangan undang-undang yang dikenakan terhadap bidang kuasa Mahkamah Sivil ialah perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan yang berkuatkuasa pada 10 Jun 1988. Perkara 121(1A) berbunyi:

> Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam Fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Ini bermakna apa-apa perkara yang jatuh dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah Mahkamah Sivil tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa terhadap apa-apa perkara tersebut. Dalam kes *Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato Talib* [1992] 2 MLJ 793 Mahkamah Agong menyatakan:

> Tujuan Parlimen dengan perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan adalah untuk menyingkir bidang kuasa Mahkamah Tinggi mengenai apa-apa perkara di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.
>
> ...
>
> (Oleh Harun Hashim HMA) Apabila bidang kuasa dicabar, pendekatan yang betul adalah untuk melihat sama ada Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dan bukan samada badan perundangan negeri mempunyai kuasa memperbuat undang-undang memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah.

Dalam kes *Majlis Agama Islam Pulau Pinang v Isa Abdul Rahman* [1992] 2 MLJ 244, mahkamah menyatakan di ms 244–245:

> Daripada pernyataan tuntutan responden, adalah jelas bahawa perintah sebenarnya yang dikehendaki oleh responden ialah satu injunksi berkekalan untuk mencegah perayu atau ejen-ejennya daripada meroboh masjid tersebut dan menahan perayu daripada melakukan segala penyediaan awal merobohkan masjid itu dan mendirikan sebuah bangunan komersial di tempat itu.
>
> .....
>
> **Per curiam**:
>
> Apabila sesuatu mahkamah sivil membicarakan tuntutan untuk mendapat sesuatu perintah (dan perintah yang dituntut bukan dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk mengeluarkan) maka mahkamah sivil hendaklah membicarakan tuntutan itu dan jika soal mengenai hukum syarak timbul semasa perbicaraan pihak-pihak terlibat boleh memanggil pakar-pakar ugama Islam untuk memberi keterangan dalam perbicaraan itu; atau pun pihak mahkamah boleh merujuk soalan-soalan kepada majlis fatwa berkenaan untuk mendapat kepastian.

Kami berpendapat bahawa kedudukan yang diberi oleh undang-undang sebagai seorang pemegang amanah kepada pihak perayu adalah suatu tanggungjawab dan obligasi dan bukan sebagai suatu keistimewaan atau privilege yang boleh dipandang remeh dan enteng sehinggakan tidak boleh tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah terhadap setiap tindak-

tanduknya. Sayugia diingati bahawa disini pihak responden hendak menuntut hartanah dari suatu amanah si mati dan bukannya hendak menuntut tanah wakaf. Kami berpendapat bahawa isu tanah wakaf itu tidak relevan langsung untuk permohonan saman dalam kamar pihak perayu. Dalam kes ini, dapat diperhatikan bahawa kausa tindakan pihak responden berasal daripada wasiat si mati dan hak yang mengalir daripadanya untuk menerima kembali tanah tersebut setelah berakhirnya tempoh 21 tahun selepas kematian pewaris terakhir. Kami tidak bersetuju dengan hujah pihak perayu yang menghujahkan bahawa pihak responden tidak mempunyai apa-apa kuasa tindakan pada sisi undang-undang. Kami berpendapat bahawa pihak perayu telah membuat suatu andaian yang silap dan tidak matang dengan menghujahkan bahawa tanah tersebut adalah tanah wakaf. Pada hakikatnya yang sebenarnya kepentingan pihak responden secara langsung berkisar dari wasiat tersebut. Oleh yang demikian, di atas alasan tersebut, rayuan perayu ditolak dengan kos. Deposit dikira dalam akaun kos.

Rayuan perayu ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Zahid Taib